KUMPULAN PUISI

Di Kebun Amal

Ramlie A.R

KUMPULAN PUISI

Di Kebun Amal : kump

SAB00000816

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

SBH 816

Di Kebun Amal

Ramlie A.R

Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sabah
2004

Penerbitan kumpulan puisi *Di Kebun Amal* ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Cetakan Pertama 2004
© Ramlie A.R

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama asa secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ramlie A.R., 1948-
Di kebun amal : kumpulan puisi / Ramlie A.R.
ISBN 983-62-8696-9
1. Malay poetry. I. Judul.
899.231

Editor
Japar Haji Ungki

Dicetak oleh
UTUSAN KINABALU CO. SDN. BHD.
No. 3, Lorong Dewan,
Peti Surat 11056, 88811
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Tel: 088-257400 Faks: 088-252658

KANDUNGAN

Prakata *ix*
Catatan Penyair *x*

1. Satu Perjalanan **1**
2. Risiko **2**
3. Serunai Batang Padi **3**
4. Gadis Berbaju Merah Saga **4**
5. Matikan Bicara **5**
6. Preface **6**
7. Dengan Api yang Tidak Terbakar **7**
8. Malam Bulan Dua Likur **8**
9. Burung Putih **9**
10. Elegi **10**
11. Seorang Kuli Jalan **11**
12. Pada Tuhan **12**
13. Tuhan Yang Ria **13**
14. Lokomotif **14**
15. Lukisan Puisi **15**
16. Dalam Renungan **16**
17. Epilog **17**
18. Seni **18**
19. Kepulangan yang Dijanjikan **19**
20. Dua Wajah **20**
21. Daun-daun yang Gugur **21**
22. Satu Bicara **22**
23. Aku di Sampingnya **23**
24. Sebuah Harapan **24**
25. Pada Milik yang Ada **25**
26. Kertas Sepi **26**
27. Tinggi di Puncak **27**
28. Surat untuk Mama **28**
29. Sebuah Malam Menutup Wajah **29**
30. Sumpah Terdedah **30**
31. Dunia yang Muram **31**
32. Terima Kasihku **32**
33. Sebuah Lukisan Kasih **33**
34. Malam Manifestasi **34**
35. Hidup yang Gelap **35**
36. Puisi November **36**
37. Di Pantai Rasa **37**

38. Penaku Dipeluk Malam **38**
39. Homej Kepada Kudat **39**
40. Terakhir Cinta **40**
41. Selembar Kertas Hidup **41**
42. Alam yang Indah **42**
43. Waktu Masa Kini **43**
44. Kapalku **44**
45. Menilai Hawa **45**
46. Dunia Kian Tua **47**
47. Buku Punai **48**
48. Sepasang Mata Jalang **49**
49. Tiga Adegan di Pantai **50**
50. Satu Kunjungan **51**
51. Jawapan Bagi Surat Elizabeth **52**
52. Burung dan Aku **53**
53. Mesra Cita **54**
54. Sebuah Pengakuan **55**
55. Disember 1973 **56**
56. Suatu Malam **57**
57. Satu Pertanyaan **58**
58. Cabaran **59**
59. Tentunya **60**
60. Soliloquy **61**
61. Tiada Lagi **62**
62. Bukan Penyisihan **63**
63. Berjalan Sendiri **64**
64. Secebis Kejujuran **65**
65. Nenda **66**
66. Rasa Itu **67**
67. Kemahuan Hari Ini **68**
68. Putera Zaman Ini **69**
69. Ramadan **70**
70. Seorang Perempuan **71**
71. Disinikah Kami **72**
72. Nyanyi Gadis Tionghua **73**
73. Selaras Senapang Sebuah Harapan **74**
74. Salam Januari pada Kudat **75**
75. Untuk Tidak Melihat Lagi **76**
76. Lari **77**
77. Yusuko Ichiki **78**

78. Pokok di Pantai **79**
79. Cinta Limau Manis **80**
80. Telah dilahirkan Aku **81**
81. Tangis Petani **82**
82. Lumrah **83**
83. Pancaran Kesedaran **84**
84. Dialog Belalang **85**
85. Sehingga Mati **86**
86. Kerinduan **87**
87. Setitis Air Mata **88**
88. Harapan **89**
89. Nostalgia II **90**
90. Dan Aku Ragu **91**
91. Pembangunan Kota Selamatkanlah Pokok-pokok Itu **92**
92. Dalam Diri **93**
93. Selamat Pagi Pantaiku **94**
94. Kegembiraan 31 Ogos **95**
95. Memo: 12.9.1976 **96**
96. Seringnya **97**
97. Sebuah Catatan **98**
98. Petang Januari Yang Damai **99**
99. Lawatan **100**
100. Langkah di Dewan Tari **102**
101. Mimpi **103**
102. Azlina **104**
103. Ukiran Besi **105**
104. Saat-saat Berpisah **106**
105. Di Ruang Asilum **107**
106. Di Pohon Cemara **108**
107. Angin di Ladang **109**
108. Anak Penjual Kuih **110**
109. Pagi **114**
110. Marah **115**
111. Di Kuching Hari Ini Aku Anak Dagang Tak Hilang **116**
112. Di Stesen Kereta api **117**
113. Catatan Menungan **118**
114. Pamplet **120**
115. Telah Datang rasa Itu **121**
116. Penungguan II **122**
117. Perempuan Malang **123**

118. Tandek **124**
119. Keyakinan **125**
120. Kemerdekaan IV **126**
121. Sebuah Pernyataan **127**
122. Seekor Rama-Rama Seorang Lelaki **128**
123. Sejarah I **129**
124. Sebuah Rasa **130**
125. Harian II **131**
126. Sidang **132**
127. Di Sebuah Masjid Tua **133**
128. Mengingat Diri **134**
129. Di Hati Ibu **135**
130. Mengenal Erti Syukur **136**
131. Di Kebun Amal **137**

Prakata

Ramlie A. R (nama sebenarnya Ramli Jusoh) tidak dapat dipisahkan dengan perkembangan kesusasteraan di negeri Sabah. Beliau mula menulis sejak tahun 1960-an sehingga kini. Ramlie A. R bukan sahaja dikenali sebagai seorang penulis puisi malah beliau bergiat cergas dan menulis dalam pelbagai genre seperti aktif dalam bidang drama, menulis cerpen, esei/kritikan dan menulis skrip drama pentas dan radio. Selain itu beliau juga aktif dalam pertubuhan penulis seperti Badan Bahasa Sabah (BAHASA).

Pada tahun ini DBP Cawangan Sabah telah bersetuju untuk menerbitkan kumpulan puisi beliau bertajuk *Di Kebun Amal*. Kumpulan puisi ini merupakan himpunan puisi beliau yang ditulis sejak tahun 1960-an sehingga kini. Melalui kumpulan puisi ini kita akan dapat melihat perkembangan penulisan Ramlie A.R., tentang pelbagai perkara, daripada pengalaman peribadi, isu sosial, politik, kemasyarakatan, keagamaan dan lain-lain.

Kami berharap Ramlie A. R akan terus menulis bagi memperkaya khazanah sastera tanah air. Mudah-mudahan dengan penerbitan kumpulan puisi ini akan memberikan perangsang kepada beliau untuk terus berkarya.

Bagi pihak DBP Cawangan Sabah, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas sumbangannya dalam dunia sastera di Sabah khasnya dan Malaysia amnya, dan daya usaha beliau mengumpul puisi beliau yang membolehkan kami dapat menerbitkannya.

HAJI HAMZAH HAMDANI 2 Disember 2004
Pengarah
DBP Cawangan Sabah

Catatan Penyair.

Bismillahirrahmanirrahim.

Setulus puji dan puja serta kesyukuran dirafakkan ke hadrat-Nya. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW,semulia-mulia Pesuruh,begitu juga ke atas keluarga dan para sahabat sekalian.

Hasrat untuk membuku dan menerbitkan puisi-puisi yang tersiar sudah sememang ada sedari dulu, tetapi dilengahkan oleh gangguan kata-kata 'nantilah' dan 'tunggulah dulu'. Itulah , ianya tertangguh. Kerja tertangguh.

Apabila Sdr Japar Haji Ungki (editor) memaklumkan bahawa pihak Pengarah DBP Cawangan Sabah bersetuju menerbitkan kumpulan puisi-puisi saya,nyatalah kerja itu tidak lagi mungkin tertangguh. Itulah ,ianya syukur. Terimakasih.Terimakasih.

Kemampuan untuk menulis ada dalam setiap diri kita selagi kita mampu memanusiakan pengalaman yang kita lalui. Pengalamanlah yang menjadi nafas utama kepada mesej karya saya.

Puisi-puisi saya, seringnya terikat teguh pada ciri-ciri perjalanan pengalaman dan gambaran-gambaran persekitaran. Hasil pengamatan yang wujud dari sesuatu yang rapat dan intim dengan alam saya. Naluri saya amat cepat terasa. Apabila terusik, saya akan mudah teruja dan akan lebih gagah untuk berpuisi. Ada kalanya karya itu cepat terhasil. Lain ketika mengambil tempoh yang lama untuk disiapkan.

Sebagai seorang manusia saya juga ingin menyampaikan cita-cita, impian dan tujuan melalui tulisan . Pada saya, puisi itu salah satu alat komunikasi. Suara-suara puisi akan hanya lahir setelah puisi itu diberi tafsiran. Makna-makna minda puisi (yang menjadi cita-cita, impian dan tujuan penulis) hanya boleh wujud dan menjadi nyata andai puisi itu difahami dan diberi tanda nilai. Dari situlah dapat dilihat getar dan rasa puisi-puisi itu.

Sehubungan itu, terimalah sebahagian dari puisi-puisi saya. Tulisan yang merakamkan pengalaman saya bertahun ini diharapkan sedikit sebanyaknya mampu memberi satu petanda pada sejarah perkembangan puisi Melayu kita.

Ramlie A.R.
Kota Marudu,
2 Disember 2004.

SATU PERJALANAN

Dalam debu pasir menampar wajah
pedih perit memanjang
sepanjang jalan yang jerih ini,
usah kau bisik tentang esok
yang tiada mentari dengan ertinya sekali
kerana aku tidak akan
berhenti pada siangnya.

Setelah semalam aku katakan ya
bukan ini harinya aku berkata tidak
biar dalam perjalananku ini
kepedihan menyilau segala
perit dirongrong malam siang.

Sekali berbicara,
berbicara aku
pada jalan jitu ini
kerana jasad yang sedar
sedia tersemat di dada ibunda.

Mingguan Malaysia
22 November 1970

RISIKO

Diam-diam menelah hasratnya
hati yang paling pikun
dengan dada dambakannya
datanglah utusan.

Air keruh kembali tenang
ikan pedalaman ke permukaan.

Dan nyatanya risiko
yang menuntut itu
adalah jiwanya
semula tenteram.

Utusan Zaman
6 Disember 1970

SERUNAI BATANG PADI

Dalam gegas angin petang
sejuk danau ini
mereka berjalan di batas-batas dingin
kiri kanannya padi menguning.

Dan yang abang mengajak adiknya turut ke bendang
serta berjanji
"nanti abang siapkan
serunai batang padi".

Lalu yang cilik menyetujui
serta meminta
"aku mahu dua
serunai batang padi".

Batang padi ditiup nyaring
dan bunyinya melewati udara
daerah kaum tani
yang harmoni.

Mingguan Malaysia
14 Februari 1971

GADIS BERBAJU MERAH SAGA

Gadis berbaju merah saga
merah dadanya. Berdarah
luka. Merah terserlah.

Gadis berbaju merah saga
beralun tangis
dalam sendu. Segalanya
terhiba duka
keseorangan
kehilangan
kosong.

Gadis berbaju merah saga
menangis. Resahnya
maruah tergadai
maruah tergadai.

Utusan Zaman
9 Mei 1971

MATIKAN BICARA

Petang ini aku bangkit lagi
untuk berbicara
tentang semalam
anak-anakmu dibunuh petualang.

Esok matikan bicara
langkahlah mentari merah
betapa kagum dilihat nanti
kau jadi pembunuh
agar tidak dibunuh.

Bunuhkan
dan rasalah keenakannya,
seperti kata ketuaku
betapa enak rasaan itu.

Bunuhlah
jangan dibiarkan hidup
nanti mereka akan lebih gagah
dan bangun menempah hak
jangan dibiarkan segar
mereka pasti akan lebih kurang ajar.

Bunuhlah
kau akan lebih senang
bunuhlah
kita akan lebih aman.

Utusan Zaman
13 Jun 1971

PERPUSTAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA